

15/12/1999

Pemimpin, rakyat bersama jamin harmoni

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin dan rakyat mesti bertanggungjawab dan berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni.

Perdana Menteri berkata, mereka juga perlu menghindar daripada mencetuskan sebarang bentuk rasa tidak selesa di dalam masyarakat.

"Sebarang bentuk tindakan yang boleh meningkatkan permusuhan dianggap sebagai kuasa perosak yang dikutuk Allah. Generasi akan datang, akan turut menuduh kita," katanya dalam perutusan di buku cenderamata sempena tilawah al-Quran peringkat antarabangsa yang bermula di sini, malam ini.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, berkenan merasmikan tilawah itu yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sebanyak 27 qari dan 16 qariah dari 28 negara menyertai tilawah tahun ini yang membawa tema "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan". Malaysia diwakili Che Yahya Daud dari Kelantan dan Maznah Awang dari Terengganu.

Tahun lalu, johan qari ialah Mohamad Gandom Najad Toosi dari Iran manakala johan qariah ialah Sapiah Mohd dari Malaysia.

Dr Mahathir berkata, usaha untuk merapatkan perpaduan di kalangan umat Islam memerlukan kesedaran dan pembabitan semua pihak.

Katanya, pakar agama perlu bekerjasama untuk menyediakan pandangan positif bagi kesejahteraan ummah.

Mengenai tema tilawah itu, beliau berkata ia menunjukkan pentingnya perpaduan untuk kemajuan dan kejayaan masyarakat Islam di dunia khususnya di negara ini.

"Begitu pun, sejak kebelakangan ini, umat Islam terdedah kepada perselisihan yang mengembang daripada sikap tidak bersedia untuk belajar daripada sejarah, bertindak terburu-buru dan terlalu emosi.

"Selain itu, ada juga yang suka menuduh orang lain tanpa menyedari dan melupai kelemahan sendiri," katanya.

Dr Mahathir menasihatkan umat Islam supaya mengukuhkan perpaduan di kalangan mereka serta melipatgandakan usaha untuk memaju Malaysia bagi kecemerlangan agama, bangsa dan negara.

(END)